

ورتا قنرغن

Warta Penerangan



FEBRUARI 2019





Dengan Ingatan Tulus Ikhlas
Daripada
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri.



Terbitan Unit Penerbitan Melayu
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri

“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”

Sidang Redaksi

Penasihat

Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras/Penyemak/Reka Letak
Unit Penerbitan Melayu

Sumber Berita & Fotografi
PELITA BRUNEI dan
pegawai dan kakitangan
Jabatan Penerangan



WARTA Penerangan merupakan sebuah majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Unit Penerbitan Melayu, Tingkat 2, Bangunan Lama Jabatan Penerangan.

Isi Kandungan

Muka

Pameran Awasi Anak Kitani tingkatkan kesedaran orang awam	5
Pengagihan bendera kecil di keempat-empat daerah lambang kedaulatan negara	6-7
ertandingan Koir Lagu-Lagu Patriotik di keempat-empat daerah	8-12
Hari Kebangsaan suntik patriotisme warga Jabatan Penerangan	13-14
Jerayawara Kenali ASEAN suntik semangat perpaduan	14-15
Jualan buku terbitan Jabatan Penerangan giat dilaksanakan	16
Tingkat kesedaran awam	17
Peristiwa penting Jabatan Penerangan	17
Pedoman	17
Bahagian Pengurusan	18
Unit Perhubungan Awam dan Perkhidmatan Media	19
MRO bertugas sepanjang bulan Februari	20
Taklimat Kenegaraan semai semangat patriotisme penuntut	21-22
Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai taklimat/kursus/bengkel pada bulan ini	22
Poster Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35, 2019	23

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

Pameran Awasi Anak Kitani tingkatkan kesedaran orang awam

Oleh: Unit Penerbitan Melayu
Foto: Jabatan Penerangan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra semasa acara Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan 2019 yang diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien pada 24 Februari 2019.

PELBAGAI aktiviti dan program-program telah dilaksanakan oleh Jabatan Penerangan dalam usahanya untuk 'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'. Sehubungan dengan itu, satu pameran mengenai Program Awasi Anak Kitani (AAK) telah diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien pada 24 Februari 2019 dalam acara Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan 2019 sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35 Tahun.

Melalui Program Awasi Anak Kitani, masyarakat mukim dan kampung khususnya yang mempunyai anak-anak remaja akan mendapat ilmu pengetahuan yang boleh membantu mereka mengawasi serta bertindak jika menyedari perbuatan anak-anak mereka yang mencurigakan.

Ibu bapa atau penjaga juga diharap supaya akan sentiasa berbincang dengan anak-anak supaya akan dapat menjalinkan hubungan baik antara keluarga, masyarakat dan orang ramai.

Pengagihan bendera kecil di keempat-empat daerah lambang kedaulatan negara

Oleh: Noraisah Muhammed/ Khartini Hamir/Marlinawaty Hussin/ Haji Ariffin Mohd. Noor/Morshidi
Foto: Haji Ariffin Mohd. Noor/Morshidi/Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali/Dk. Nur Hafilah Pg. Osman/
Noraisah Muhammed

DALAM usaha menanam semangat patriotik, cinta kepada bendera dan negara sempena menjelangnya Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35, Tahun 2019, satu Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja dan Program Semarak Pengibaran Bendera diadakan serentak di keempat-empat buah daerah pada hari Khamis, 14 Februari 2019.

Bagi Daerah Brunei dan Muara diadakan di Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan. Berangkat hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan ialah Grand Chamberlain, Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin bin Pengiran Paduka Tuan Pengiran Haji Abu Bakar; sementara di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Fadzillah Lubabul Bolkiah, Kampung Kupang bagi Daerah Tutong, hadir selaku tetamu kehormat, Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Pengiran Haji Kamalrudzaman bin Pengiran Haji Mohd. Ishak; bagi Daerah Belait majlis berlangsung di Sekolah Menengah Chung Hua, dihadiri oleh Setiausaha Tetap (Undang-Undang dan Kesejahteraan), Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mohammed Rosli bin Haji Ibrahim dan di Daerah Temburong diadakan di Sekolah Rendah Batu Apoi, hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap (Perindustrian), Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan.



GRAND Chamberlain Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin bin Pengiran Paduka Tuan Pengiran Haji Abu Bakar, semasa hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.



TETAMU kehormat semasa mengagihkan bendera kecil kepada pelajar-pelajar sekolah di Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan bagi Daerah Brunei dan Muara.



MENYANYIKAN Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan'.



TETAMU kehormat, Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Pengiran Haji Kamalrudzaman bin Pengiran Haji Mohd. Ishak.



TETAMU kehormat semasa mengagihkan bendera kecil kepada pelajar-pelajar sekolah di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Fadzillah Lubabul Bolkiah, Kampung Kupang bagi Daerah Tutong.



TETAMU kehormat, Setiausaha Tetap (Undang-Undang dan Kesejahteraan), Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mohammed Rosli bin Haji Ibrahim.



PENYERTAAN seramai 200 orang penuntut pada Program Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja dan Program Semarak Pengibaran Bendera berlangsung di Sekolah Chung Hua, Kuala Belait.



TETAMU kehormat, Setiausaha Tetap (Perindustrian), Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan menyerahkan bendera kecil kepada murid-murid sekolah di Sekolah Rendah Batu Apoi bagi Daerah Temburong.



TETAMU kehormat bersama warga sekolah menyanyikan Lagu Kebangsaan Allah Peliharakan Sultan.

Pertandingan Koir Lagu-Lagu Patriotik di keempat-empat daerah

Siaran Akhbar: Jabatan Penerangan

Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas/Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin



HADIR selaku tetamu kehormat ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin selaku Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 4, Daerah Brunei dan Muara.

PERTANDINGAN Koir Lagu-Lagu Patriotik Antara Mukim-Mukim Bagi Program Semarak Pengibaran Bendera Negara Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-35 Tahun 2019, anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) diadakan di keempat-empat daerah pada hari yang berlainan.

Bagi Daerah Brunei dan Muara diadakan pada 2 Februari di Auditorium Jabatan Penerangan, Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas.

Juara disandang oleh Kumpulan Koir Suara Anak Seni dari Mukim Gadong 'A' dengan lagu 'Bahagia Brunei Darussalam', naib juara pula disandang oleh Kumpulan Koir Rezal Malek Faezal dari Mukim Pengkalan Batu yang membawakan lagu 'Patriot Bangsa', kumpulan koir dari Mukim Serasa iaitu Nur Permata Rubi mendapat tempat ketiga dengan lagu mereka 'Tanah Airku'.

Juara pertandingan di keempat-empat daerah membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah BND1,500.00 dan sijil penyertaan, naib juara pula membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah BND1,300.00 dan sijil penyertaan, tempat ketiga menerima wang tunai berjumlah BND1,000.00 dan sijil penyertaan dan pemenang sugu hati pula masing-masing membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah BND500.00 berserta sijil penyertaan.

Penyampaian hadiah kepada para pemenang disempurnakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin selaku Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 4, Daerah Brunei dan Muara.



PARA pemenang bergambar ramai bersama tetamu kehormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, selaku Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 4, Daerah Brunei dan Muara.

Pertandingan diteruskan lagi pada 6 Februari bagi Daerah Tutong yang mana Kumpulan Telisai Harmonics, Mukim Telisai berjaya merangkul gelaran juara, tempat kedua dan ketiga pula disandang oleh Kumpulan Belia Mukim Kiudang, Mukim Kiudang dan juga Kumpulan Indah Cahaya Mukim Ukong, Mukim Ukong dan seterusnya pemenang sagu hati.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, selaku Penghulu Mukim Tanjong Maya, Daerah Tutong yang juga menyempurnakan penyampaian hadiah-hadiah kepada para pemenang yang berlangsung di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Daerah Tutong.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong semasa hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.



Kumpulan Telisai Harmonics, Mukim Telisai, juara bergambar ramai bersama tetamu kehormat majlis.

Bagi Daerah Belait, pertandingan diadakan pada hari Sabtu, 9 Februari yang mana juara disandang oleh Kumpulan Koir PERMATA 2.0 dari Mukim Seria dengan lagu 'Tanah Airku'. Sementara naib juara pula dimenangi oleh Kumpulan Koir RAWDAH dari Mukim Belait dengan lagu 'Tekad Kemerdekaan'. Kumpulan Koir MPK LABI1 dari Mukim Labi 'Berkibarlah Bendera' menduduki tempat ketiga.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin selaku Penghulu Mukim Liang Zon 1, Daerah Belait, yang berlangsung di Dewan Maktab Anthony Abell, Seria, Daerah Belait.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin selaku Penghulu Mukim Liang Zon 1, Daerah Belait, hadir selaku tetamu kehormat pada pertandingan tersebut.



JUARA bergambar ramai bersama Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin selaku Penghulu Mukim Liang Zon 1, Daerah Belait.

Pada hari Isnin, 11 Februari pertandingan diteruskan lagi yang diadakan di Dewan Kemasyarakatan Belalong, Daerah Temburong. Hadir selaku tetamu kehormat ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu selaku Penghulu Mukim Bokok.

Turut hadir ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad, penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung, para pegawai Jabatan Penerangan dan penduduk kampung yang mewakili kampung masing-masing.



HADIR selaku tetamu kehormat ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu selaku Penghulu Mukim Bokok.

12 Warta Penerangan

Johan pertandingan ialah Kumpulan RPN Kampung Rataie dari Mukim Bokok yang membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah BND1,500.00 dan sijil penyertaan.

Naib juara disandang oleh Kumpulan Koir Citra Alunan dari Mukim Bangar dengan membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah BND1,300.00 dan sijil penyertaan. Manakala di tempat ketiga dimenangi oleh Kumpulan Koir Mukim Labu dengan membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah BND1,000.00 dan sijil penyertaan.

Sementara Kumpulan Koir Harmonika dari Mukim Batu Apoi dan Kumpulan Mukim Amo masing-masing menerima hadiah sagu hati wang tunai berjumlah BND500.00 berserta sijil penyertaan.



KUMPULAN RPN Kampung Rataie dari Mukim Bokok muncul johan bagi Pertandingan Koir Lagu-Lagu Patriotik Antara Mukim-Mukim Bagi Program Semarak Pengibaran Bendera Negara Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-35 Tahun 2019.



TETAMU kehormat bergambar ramai bersama para pemenang pertandingan bagi Daerah Temburong.

Hari Kebangsaan suntik patriotisme warga Jabatan Penerangan

Oleh: Unit Penerbitan Melayu
Foto: Jabatan Penerangan



KECERIAAN jelas terpancar di wajah warga Jabatan Penerangan yang menyertai Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35, Tahun 2019.

SAMBUTAN Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam seperti lazimnya disambut setiap tahun. Warga Jabatan Penerangan tidak ketinggalan terlibat dalam sama-sama menjayakan Hari Kebangsaan dengan menyertai perbarisan lalu dan persembahan padang. Latihan Hari Kebangsaan tersebut telah diadakan sejak bulan Januari 2019. Walaupun warga Jabatan Penerangan dihambat dengan kesibukan kerja sehari-hari, tetapi semua itu tidak menghalang mereka untuk terus berbakti dan berjasa kepada Raja dan negara yang tercinta. Mudah-mudahan segala pengorbanan yang dicurahkan oleh warga Jabatan Penerangan mendapat keberkatan dan reda Allah Subhanahu Wata'ala.

Penglibatan warga Jabatan Penerangan dalam sambutan sebegini secara tidak langsung memupuk semangat perpaduan antara mereka dengan warga kementerian yang lain dan menanam semangat cintakan negara dengan tidak berbelah bahagi. Dalam tahun ini, seramai 10 orang warga Jabatan Penerangan ikut serta dalam sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.



WARGA Jabatan Penerangan bersama-sama warga dalam jabatan lain di bawah Jabatan Perdana Menteri bergambar ramai semasa Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35, Tahun 2019.

Jerayawara Kenali ASEAN suntik semangat perpaduan

Siaran Akhbar: Jabatan Penerangan

Foto: Haji Ariffin Mohd. Noor/Morshidi/Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman/Hamzah Mohidin/
Mohammad Hatral Hazmi Haji Awang Abdul Hamid

SERAMAI 322 penuntut dari Tahun 7 dan Tahun 8 menghadiri Jerayawara Kenali ASEAN pada hari Rabu, 6 Februari yang diselenggarakan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN-COCI di Dewan Serbaguna, Sekolah Menengah Katok.

Jerayawara yang sama juga diadakan pada hari Selasa, 26 Februari di Dewan Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin (SOAS), manakala pada 27 Februari diadakan di Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI) seterusnya jerayawara diadakan di Sekolah Menengah Sayyidina Hasan pada 28 Februari.

Taklimat Kenali Negara ASEAN disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Awang Abdul Karim bin Hamdan.

Taklimat adalah untuk membarigakan serta membuat pendedahan meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada penuntut-penuntut sekolah menengah di negara ini kerana mereka adalah golongan belia yang bakal mewarisi kesinambungan bangsa dan seterusnya berperanan penting dalam memangkin hala tuju negara ini.

Para penuntut juga menyaksikan tayangan klip video mengenai ASEAN dan berpeluang menyertai Kuiz ASEAN.



PENYAMPAIAN hadiah Kuiz ASEAN disampaikan oleh Pengetua Sekolah Menengah Katok, Penrose Saleha binti Haji Md. Salleh.



PENUNTUT yang menghadiri Jerayawara Kenali ASEAN di Dewan Serbaguna, Sekolah Menengah Katok pada 6 Februari 2019.



TAKLIMAT Kenali ASEAN disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Awang Abdul Karim bin Hamdan.



SEBAGIAN daripada penuntut Maktab SOAS yang hadir semasa jerayawara pada 26 Februari 2019.



TIMBALAN Pengetua Pentadbiran STPRI, Awang Haji Ismail bin Haji Brahim ketika menyampaikan hadiah kepada salah seorang pemenang Kuiz ASEAN.



PARA penuntut STPRI yang hadir pada jerayawara yang diadakan pada 27 Februari 2019.



PENYAMPAIAN hadiah Kuiz ASEAN disampaikan oleh Timbalan Pengetua Pentadbiran, Sekolah Menengah Sayyidina Hasan, Awang Haji Mohd. Ali bin Haji Zainal.



SALAH seorang pelajar ketika diajukan soalan Kuiz ASEAN di Sekolah Menengah Sayyidina Hasan pada 28 Februari 2019.

Jualan buku terbitan Jabatan Penerangan giat dilaksanakan

Oleh: Unit Penerbitan Melayu
Foto: Jabatan Penerangan

JABATAN Penerangan bergiat aktif dalam menerbitkan bahan-bahan bercetak seperti buku-buku dan menyertai pameran, Pesta Buku dan ada kalanya bergerak sendirian dalam mempromosikan buku-buku jabatan. Begitu juga jika ada sebarang aktiviti atau program yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan, buku-buku akan dipamerkan dan ada juga yang dijual. Dengan ini, orang ramai boleh mengetahui mengenai buku-buku terbitan dan di mana untuk mendapatkannya.

Baru-baru ini Jabatan Penerangan menyertai jualan buku yang diadakan semasa Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1440 Hijrah/2019 Masihi dan sepanjang Pesta Buku 2019 yang diadakan pada 27 Februari hingga 5 Mac 2019 yang dilanjutkan lagi tempohnya sehingga 7 Mac 2019. Secara tidak langsung orang ramai tidak hanya tertumpu untuk membeli buku-buku di Jabatan Penerangan dan Cawangan-cawangan Jabatan Penerangan.

Buku-buku yang dijual antaranya buku Himpunan Titah, Himpunan Sabda, Kompilasi Sabda Anakanda, Brunei Darussalam Negaraku, Haluan, *Tutong District* dan *Temburong District*. Harga setiap buku berbeza-beza mengikut kriteria yang tertentu.

Dengan adanya jualan buku yang diadakan dapat memudahkan lagi orang awam, para mahasiswa dan penyelidik mencari bahan untuk rujukan mereka dengan lebih teliti dan bersistematik.



ANTARA warga Jabatan Penerangan yang terlibat dalam jualan buku semasa Pesta Buku 2019.



SUASANA jualan buku semasa Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1440 Hijrah/2019 Masihi yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Tingkat kesedaran awam

Siaran Akhbar: Jabatan Penerangan
Foto: Hernie Suliana Haji Othman

PADA hari Khamis, 28 Februari diadakan 'Jerayawara Penggunaan Banner, Bendera dan Bahan-Bahan Yang Mempunyai Kepentingan Nasional' bagi sesi kedua tahun 2018-2019 yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Balai Polis Berakas.

Taklimat disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya.

Taklimat tersebut bertujuan meningkatkan kefahaman, pengetahuan dan kesedaran awam mengenai penggunaan 'banner', bendera negara dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional.



PEGAWAI Penerangan, Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya menunjukkan jenis-jenis kesalahan yang terdapat pada bendera negara yang pernah dijumpai dikibarkan di beberapa premis kediaman.

Peristiwa penting Jabatan Penerangan

Tempa sejarah sahut cabaran PELITA BRUNEI berwajah baru

Pelita Brunei
24/02/2010

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 23 Februari. - PELITA BRUNEI yang merupakan satu-satunya Akhbar Rasmi atau lidah Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang kini sudah berusia 54 tahun menempa satu lagi sejarah dengan terbitan wajah baru bermula keluaran 24 Februari 2010.



MENTERI Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud semasa melancarkan Pelita Brunei Berwajah Baru yang berlangsung Jabatan Percetakan Kerajaan, Berakas. (Foto: Hernie Suliana Haji Othman)

Bermula keluaran itu, PELITA BRUNEI menampilkan pembaharuan *mast head* yang lebih menarik, hanya akan menerbitkan dan mencetak menggunakan kertas *wood free* bagi menggantikan kertas *news print* yang telah digunakan sejak tahun 1976.

Di samping menyajikan bahan-bahan menarik kepada pembaca, perubahan itu juga membantu Jabatan Penerangan dan Jabatan Percetakan Kerajaan menjimatkan kos penerbitan PELITA BRUNEI terutama pengurangan dari segi penggunaan tenaga kerja, masa dan kewangan.

"Secara praktikalnya ia akan meningkatkan lagi kualiti, perisian dan reka letak edisi bagi orang ramai. Yang paling penting ialah ilmu dan maklumat dapat kita sampaikan kepada orang ramai selaras dengan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan kepada Jabatan

PELITA Brunei keluaran 24 Februari 2010, Pelita Brunei merupakan satu-satunya akhbar rasmi atau lidah Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang kini sudah berusia 54 tahun menempa satu lagi sejarah dengan terbitan wajah baru bermula keluaran 24 Februari 2010.

Pelita Brunei menampilkan pembaharuan *mast head* yang lebih menarik, hanya akan menerbitkan dan mencetak menggunakan kertas *wood free* bagi menggantikan kertas *news print* yang telah digunakan sejak tahun 1976.

Pedoman

“Kecuali orang yang bertaubat dan beriman serta mengerjakan amal yang baik, maka orang-orang itu Allah akan menggantikan (pada tempat) kejahatan mereka dengan kebaikan, dan adalah Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.”

- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Furqan, ayat 70).

Bahagian Pengurusan

Oleh: Unit Penerbitan Melayu
Foto: Jabatan Penerangan

BAHAGIAN yang diketuai oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad terletak di Tingkat Lima, Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan yang juga ditempati bersama Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar dan lima orang kakitangan.

Terdapat enam unit di bawah Bahagian Pengurusan iaitu

1. Unit IT & Media.
2. Unit Penyelidikan & Perkembangan.
3. Unit Hal Ehwal Antarabangsa.
4. Unit Perhubungan Awam & Perkhidmatan Media.
5. Unit Fotografi.
6. Unit Brunei Report.

Bahagian ini merupakan induk kepada bahagian-bahagian di Jabatan Penerangan yang bertanggungjawab dalam merancang dan memantau keseluruhan jabatan serta memastikan program yang dilaksanakan mencapai misi dan objektif jabatan. Juga bertanggungjawab dalam menguruskan peruntukan kewangan dan perbelanjaan jabatan serta mengendalikan mesyuarat-mesyuarat di peringkat tertinggi jabatan.

Selain itu, bahagian ini juga memantau keperluan latihan dan tenaga kerja untuk para pegawai dan kakitangan supaya efisien serta berdaya saing dalam melaksanakan tugas-tugas mereka di samping memastikan kesejahteraan warga penerangan. Bahagian ini juga menyelaras segala program dan aktiviti Cawangan Penerangan di keempat-empat daerah.

Di samping itu, bahagian ini juga menyelaras jadual liputan dan jurugambar bagi Pelita Brunei, akhbar rasmi kerajaan.



PERJUMPAAN Hari Khamis (PHK) yang dikendalikan oleh Bahagian Pengurusan.



PEGAWAI dan kakitangan di Bahagian Pengurusan semasa menjalankan tugas yang diamanahkan.



Unit Perhubungan Awam dan Perkhidmatan Media

Oleh: Unit Penerbitan Melayu
Foto: Jabatan Penerangan

UNIT Perhubungan Awam dan Perkhidmatan Media merupakan salah sebuah unit di bawah Pengarah Penerangan. Unit ini diketuai oleh seorang Pegawai Penerangan dan dibantu oleh dua orang Penolong Pegawai Penerangan, seorang Pegawai Luar Penerangan, empat orang Pembantu Pegawai Luar Penerangan dan seorang Pembantu Pejabat.

Unit Perkhidmatan Media telah melalui pelbagai perubahan antaranya bergabung dengan Unit Hal Ehwal Antarabangsa dan dikenali sebagai Unit Perkhidmatan Media dan Hal Ehwal Antarabangsa.

Unit Perhubungan Awam bertindak dalam mengendalikan Pusat Media dan Sekretariat Media bagi acara-acara peringkat negara/kebangsaan dan antarabangsa. Memproses/penapisan keselamatan/kebenaran liputan dan penggambaran bagi permohonan Pas Akreditasi Media Tetap (Media Tempatan/Pangkalan) dan Sementara (Media Luar Negeri).

Bahagian ini juga bertanggungjawab dalam menguruskan perhubungan awam dengan media dan merancang strategi media dalam penyebaran maklumat secara berkesan. Bahagian ini juga berperanan sebagai Sekretariat kepada Jawatankuasa Perhubungan Awam Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan (JPAKK & JJK) serta mengendalikan mesyuarat jawatankuasa berkenaan. Juga memantau dan menyampaikan maklumat yang betul dan tepat, jika berlaku berita atau maklumat yang tidak sahih tular mengenai Jabatan Penerangan atau berkaitan dengan agensi Media Cetak dan Media *Online*. Serta memudah cara media semasa acara-acara yang melibatkan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam; Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota melalui Pegawai Penghubung Media (*Media Relations Officer – MRO*).

Selain itu, bahagian ini juga bertanggungjawab dalam mengemas kini maklumat di laman sesawang Jabatan Penerangan www.penerangan.gov.bn atau www.information.gov.bn. Mengemas kini perisian promosi Skrin LED Jabatan Penerangan. Dan juga Menyediakan Notis Media dan Siaran Akhbar bagi acara/program jabatan. Unit Perhubungan Awam juga mengendalikan acara-acara peringkat jabatan seperti Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam. Juga mengendalikan lawatan-lawatan ke Jabatan Penerangan. Mempromosi acara/program dan produk-produk jabatan melalui kaedah pembarigaan platform media sosial, Aplikasi Mudah Alih, laman sesawang jabatan, Skrin Bermaklumat dan LED serta program bersemuka.

MRO bertugas sepanjang bulan Februari

Foto: Jabatan Penerangan



MRO ketika bertugas semasa Lawatan Rasmi Presiden Lao pada 16 Februari 2019.



BERSAMA jurufoto dan pemberita Jabatan Penerangan ketika pengurniaan anak kunci pada 18 Februari 2019.



BERTUGAS semasa Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35, Tahun 2019 pada 23 Februari 2019.



BERTUGAS semasa Riadah Berbasikal yang diadakan pada 24 Februari 2019 di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.



BERSAMA rakan media semasa lawatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ke Pulau Muara Besar pada 28 Februari 2019.

Taklimat kenegaraan semai semangat patriotisme penuntut

Oleh: Unit Penerbitan Melayu
Foto: Jabatan Penerangan



TAKLIMAT Kenegaraan disampaikan oleh Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya di Sekolah Menengah Rimba 1 pada 2 Februari 2019.

PENOLONG Pegawai Luar Penerangan, Awang Ah Chua bin Bangau semasa menyampaikan Taklimat Kenegaraan di Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar pada 2 Februari 2019.



SALAH seorang penuntut Sekolah Menengah Sayyidina Ali, Kuala Belait ketika menyertai Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh Cawangan Penerangan Belait pada 2 Februari 2019.

PEMBANTU Pegawai Luar, Haji Abdul Azim bin Haji Tujoh semasa menyampaikan Taklimat Kenegaraan bagi pelajar Tahun 7 di Sekolah Menengah Katok pada 4 Februari 2019.



SEBAHAGIAN penuntut ketika menyertai Kuiz Kenegaraan pada 7 Februari 2019 yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Sekolah Menengah Sayyidina Othman.

SALAH seorang penuntut melibatkan diri dalam aktiviti yang diselitkan di dalam taklimat kenegaraan pada 9 Februari 2019 yang berlangsung di Dewan Kuliah 2, Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri.



KETUA Cawangan Penerangan Belait, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin menyampaikan hadiah kepada para penuntut yang berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan di Sekolah St. Angela, Seria pada 11 Februari 2019.



PENUNTUT Sekolah Menengah Berakas semasa mendengarkan Taklimat Kenegaraan pada 13 Februari 2019.



TAKLIMAT Kenegaraan disampaikan oleh Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya di Sekolah Menengah Menglait, Gadong pada 16 Februari 2019.



KETUA Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar semasa menyampaikan taklimat pada 18 Februari 2019 di Sekolah Menengah Muda Hashim, Tutong.



PELAJAR Tahun 7, Ma' had Islam Brunei yang mengikuti Taklimat Kenegaraan pada 26 Februari 2019.



SEBAHAGIAN daripada penuntut Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (SM RIPAS), Kampung Birau, Mukim Kiudang, Tutong yang hadir dalam Taklimat Kenegaraan pada 28 Februari 2019.

Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai taklimat/kursus/bengkel pada bulan ini

NAMA	NAMA KURSUS/BENKEL / SEMINAR/TAKLIMAT	TARIKH	TEMPAT
Awang Hairun Nadhir bin Ismail	Kursus Induksi Perkhidmatan Awam	28 Januari hingga 6 Februari 2019	Institut Perkhidmatan Awam
Dayang Ruhil Amal Faridah binti Awang Yahya	Strategic Leadership	26 hingga 28 Februari 2019	
Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya	Strategic Leadership	26 hingga 28 Februari 2019	
Awang Haji Roslan bin Haji Mohd. Daud	Persediaan Persaraan	6 hingga 16 Februari 2019	



منجايان وادين نكارا
MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA
23 Februari 2019

سمبوتن اولغ تاهون هاري كبغسان
نكارا بروني دارالسلام ك-35، تاهون 2019

SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-35, TAHUN 2019

MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA

Bertempat: Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin
18 Jamadilakhir 1440H / 23 Februari 2019M



Diterbitkan oleh:
Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.



InfoDep@BW



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_in

Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:

<http://www.penerangan.gov.bn>

<http://www.information.gov.bn>


<http://www.pelitabrunei.gov.bn>

<http://infofoto.gov.bn>

Media Sosial Penerangan:



APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN



Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri



infodept.bn



infodept_bn

**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.
Tel: 2383400 Faks: 2382242**